



KENYATAAN AKHBAR

HARI KELEPASAN AM BAGI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH DARUL AMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman telah memutuskan tarikh baru Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman **ditetapkan pada hari Ahad minggu ketiga bagi setiap bulan Jun dan ianya bermula pada 21 Jun 2020 (Ahad) bersamaan 29 Syawal 1441 Hijriah.**

Sehubungan dengan itu, Hari Kelepasan Am yang ditetapkan sebelum ini pada 19 Januari 2020 (Ahad) bersamaan 23 Jamadilawal 1441 adalah **DIPINDA**.

Keputusan pengisytiharan Hari Kelepasan Am ini adalah selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 9(1) Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369].

DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM

Setiausaha Kerajaan Negeri

Kedah Darul Aman